

CAMAR BATU
Bridled Tern

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Sterna anaethetus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa sub-spesies *S.a.anaethetus*, di luar musim membiak, diperhatikan saiz nya lebih besar, bahagian atas badan berwarna coklat gelap-kekelabuan dengan terdapat tompokan putih di bahagian depan atas kepala manakala bahagian atas kepala, belakang tengkuk dan muka berwarna kehitaman. Diperhatikan spesies ini mempunyai ekor yang bercabang dan paruh serta kaki yang berwarna kehitaman. Semasa terbang, ia menunjukkan warna kelabu di bahagian atas sayap dan hampir berwarna putih di bahagian bawah sayap. Bagi burung dewasa pada musim membiak, diperhatikan bahagian depan atas kepala dan kening berwarna putih dengan jalur kehitaman yang merentasi bahagian mata, bahagian atas kepala dan belakang tengkuk, warna coklat kekelabuan di bahagian atas badan dan atas sayap agak lusuh. Bagi burung juvenil, ia mempunyai bahagian hujung sayap yang berwarna putih dengan jalur-jalur kekelabuan di bahagian atas badan dan juga sayap, bahagian tepi sayap berwarna coklat kekelabuan. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 37 sm-42 sm.

MAKANAN

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan.

HABITAT

Spesies ini menghuni kawasan laut dan kepulauan kecil.

BUNYI

Spesies ini menghasilkan bunyi *wep-wep...*

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mei hingga bulan Julai pada setiap tahun. Sarang adalah lubang di atas tanah atau dalam lubang. Burung betina boleh menghasilkan satu (jarang dua) biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih ke kelabu batu atau kuning pucat-merah jambu dengan terdapat bintik-bintik kelabu pudar, kelabu pudar serta ungu pucar. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 43-49mm x 31-34.5 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.

